

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 8 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1522-MQT2295

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian membenarkan minyak masak paket bersubsidi yang telah digunakan untuk dijual semula sebagai minyak masak terpakai kepada industri bio-diesel memandangkan terdapat permintaan yang tinggi untuk minyak masak terpakai ini dijadikan sebagai bahan bakar biofuel untuk industri pengangkutan udara dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan tidak berlakunya ketirisan akibat manipulasi dan penggunaan yang berlebihan kerana harga minyak masak terpakai ini adalah lebih tinggi daripada minyak masak paket bersubsidi.

2. PR-1522-MQT2301

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan golongan B40, M40 dan T20 dalam menentukan mereka yang menerima tawaran untuk mengerjakan haji tahun 1444M dan berapa jumlah jemaah haji yang menerima tawaran tersebut pada tahun ini.

3. PR-1522-MQT2245

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini suntikan HPV untuk lebih daripada 500,000 kanak-kanak perempuan yang telah terlepas suntikan dari tahun 2020 hingga 2022 serta perolehan vaksin HPV yang telah diperuntukkan RM120 juta untuk tahun 2023.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 8 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 38

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L20615
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah keputusan Kementerian menamatkan monopoli DNB dalam penyediaan rangkaian 5G dengan membenarkan model dwirangkaian 5G melalui entiti baharu dapat memberikan manfaat kepada rakyat sebagai pengguna.

2. PR-1522-L20127
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan garis waktu Projek Kapal LCS 1 dapat dimulakan semula dan adakah kapal ini dapat diselesaikan sebagaimana perancangan awal iaitu untuk dinauliahkan bagi kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia pada tahun 2026.

3. PR-1522-L21022
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menubuhkan semula agensi-agensi Kerajaan yang ditutup sebelum ini memandangkan ianya mempunyai peranan penting di dalam melancarkan perkhidmatan awam di samping berupaya untuk mengurangkan masalah pengangguran terutamanya dalam kalangan graduan.

4. PR-1522-L20818

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan jangka panjang Kerajaan dalam mendepani cabaran Malaysia menuju ke arah negara menua menjelang 2030.

5. PR-1522-L19816

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan perang chip mengikut:-

- (a) statistik eksport dan import mengikut jenis cip dan kegunaannya; dan
- (b) kelebihan industri penghasilan semikinduktor dan cip negara kita berbanding berbanding negara-negara ASEAN dan usaha Kerajaan dalam membangunkan industri ini ke arah yang lebih kompetitif.

6. PR-1522-L20358

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha Kementerian bagi menangani kenaikan harga barang yang semakin melampau.

7. PR-1522-L19776

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi mempergiatkan penglibatan golongan belia dalam bidang francais.

8. PR-1522-L19599

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian dalam usaha untuk melaksana dan memperkasa program penyelidikan kolaboratif (*collaborative research*) khususnya dalam '*frontier and emerging technologies*'; dan
- (b) '*Road map*' bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara pencipta teknologi.

9. PR-1522-L21035
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan daripada hasil cadangan penambahbaikan yang telah diajukan kepada pihak DBKL berkaitan isu Bas Percuma GoKL oleh kebanyakan Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan seperti pemanjangan radius laluan dan kekerapan pergerakan bas.
10. PR-1522-L20957
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berkenaan aduan permasalahan berkaitan air dan masalah rangkaian internet di 96 Depoh Pusat Peluru, Masjid Tanah. Apakah tindakan yang telah diambil serta perancangan pihak Kementerian mengatasi masalah yang semakin meruncing bersama Kementerian terbabit.
11. PR-1522-L20072
Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dapatan Kajian Pengesanan Graduan yang terkini di bawah "Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training" (GREaT).
12. PR-1522-L20845
Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menjamin kedudukan strategik wilayah Sabah dan Sarawak sebagai kawasan pertumbuhan baharu susulan pemindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan Timur.
13. PR-1522-L20051
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimana pelaburan di dalam platform digital e-dagang benar-benar membawa inovasi kepada industri tempatan dari segi teknologi pertukaran yang menghasilkan reka cipta baru. Apakah statistik yang menunjukkan perkara ini berlaku.
14. PR-1522-L20384
Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menambah baik pengkalan e-Kasih bagi memastikan mereka yang benar-benar miskin dan miskin tegar dibantu.

15. PR-1522-L20184

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pendekatan-pendekatan atau modus operandi Kementerian untuk menentukan program-program seperti *People Income Initiative* dan lain-lain benar-benar dinikmati oleh golongan B40 di kawasan pedalaman seperti Baram, Hulu Rajang, Lawas dan lain-lain di Sarawak.

16. PR-1522-L20346

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah polisi kawalan pemilikan nombor telefon bimbit bagi individu dan syarikat di Malaysia untuk membanteras 'scammer'.

17. PR-1522-L20194

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula pendapatan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya PGK itu adalah lebih mengambarkan situasi semasa.

18. PR-1522-L20933

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha terkini Kerajaan untuk memartabatkan agenda ekonomi orang Islam melalui peranan institusi Tabung Haji, anak-anak syarikat Tabung Haji dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

19. PR-1522-L19667

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan dan jaminan Kementerian untuk memastikan FDI/DIA tidak terjejas sekiranya kita tidak menggunakan USD sebagai mata wang dagangan; dan
- (b) sekiranya rundingan pelaburan menggunakan mata wang negara kita dan negara dagangan, adakah kita tidak terkesan dengan risiko tukaran mata wang asing.

20. PR-1522-L20332

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menyelaraskan isu pencen dalam kalangan veteran ATM yang dilihat tidak dikemaskini seiring dengan situasi ekonomi yang semakin menekan kebelakangan ini.

21. PR-1522-L20087

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pandangan Kementerian memandangkan terdapat rumusan kajian-kajian antarabangsa telah mendapati bahawa, penyedia platform e-dagang mempunyai kuasa untuk mengawal peniaga-peniaga dalam ekosistem platform e-dagang tersebut, yakni menjalankan tindakan anti-kompetitif, apakah perancangan Kerajaan untuk mengawal selia dinamik persaingan di dalam pasaran platform digital e-dagang, untuk mencapai hasrat Kerajaan bagi mengimbangi kepentingan peniaga-peniaga tempatan SMEs dan MSMEs, iaitu membawa kepada perlindungan peniaga-peniaga tempatan SMEs dan MSMEs e-dagang serta pembangunan e-dagang.

22. PR-1522-L20586

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan oleh Kementerian bagi memastikan jumlah anggota pertahanan sentiasa mencukupi bagi melindungi kedaulatan negara sama ada di darat, lautan dan udara.

23. PR-1522-L20646

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) strategi, garis masa serta pelan jangka pendek sederhana dan panjang Kerajaan untuk memastikan sasaran sifar miskin tegar dicapai menjelang hujung tahun ini; dan
- (b) apakah perancangan khusus Kerajaan terhadap 130,000 ketua isi rumah miskin tegar yang sedia ada di Malaysia.

24. PR-1522-L20136

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan Malaysia untuk menjelak *money trail* yang terlibat dalam *pandora papers* dan sama ada negara yang terlibat sanggup memberi kerjasama untuk menyiasat aliran wang *pandora papers* dan mengembalikan wang haram tersebut kepada Malaysia.

25. PR-1522-L20350

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan program/aktiviti yang dilaksanakan di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan berapa jumlah pemantauan yang telah dilaksanakan untuk mengawal harga barang asas serta sejauh mana kadar keberkesanan dari program dan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh NACCOL.

26. PR-1522-L20702

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kebocoran maklumat daripada SPRM kepada media melalui "sumber" yang tidak dinamakan agar kita dapat bersama-sama menafikan pandangan bahawa kebocoran melalui sumber ini adalah pembocoran terancang dan terpilih untuk matlamat tertentu.

27. PR-1522-L20150

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Malaysia akan melaksanakan model "Dual Network" 5G dan menamatkan monopoli DNB dalam rangkaian 5G.

28. PR-1522-L20425

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah dasar Kerajaan semasa berkenaan pengisytiharan harta; dan
- (b) bilakah anggota Jemaah Menteri akan diarahkan untuk membuat pengisytiharan tersebut selaras dengan prinsip tatakelola dan integriti Kerajaan Madani.

29. PR-1522-L19959

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa khas yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Kuala Lumpur untuk mengkaji cara-cara meningkatkan keberkesanan perkhidmatan DBKL dan PTG WPKL.

30. PR-1522-L19496

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini jumlah pelaburan lebih RM170 bilion yang telah berjaya dibawa pulang ketika lawatan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini, dan apakah impak positifnya terhadap bidang perindustrian kita. Nyatakan sektor yang menjadi keutamaan dalam pelaburan mega RM170 bilion ini.

31. PR-1522-L20510

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang telah dan sedang diambil bagi menangani kos sara hidup rakyat.

32. PR-1522-L20595

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan agar dapat mempercepatkan pembinaan menara di kawasan Sipitang dan menaik taraf kualiti rangkaian di kawasan yang sedia ada.

33. PR-1522-L20801

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah peruntukan yang telah di salurkan kepada Ahli Parlimen penyokong Kerajaan pada tahun 2022 dan 2023; dan;
- (b) adakah peruntukan kawasan Ahli Parlimen pembangkang akan disalurkan melalui penyelaras Parlimen yang dilantik.

34. PR-1522-L20131

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyelaraskan semula penempatan Penasihat Ketenteraan/ Defense Attache (DA) di negara-negara yang kurang aktif melakukan aktiviti kerjasama pertahanan dengan Malaysia sebagai langkah penjimatan wang awam dan pengurusan kejat tenaga manusia dari kalangan pegawai kanan ATM.

35. PR-1522-L19783

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes rasuah berkaitan pengambilan pekerja asing yang melibatkan beberapa pegawai kanan YB Menteri Sumber Manusia dan sejauh manakah magnitud gejala ini memberi implikasi terhadap komitmen Kerajaan untuk membanteras gejala rasuah dengan berkesan.

36. PR-1522-L20809

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah faktor yang menyebabkan kelewatan untuk mendapatkan kereta yang ditempah sehingga mengambil masa selama enam bulan hingga setahun; dan;
- (b) adakah Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh insentif pengecualian cukai yang telah tamat pada 31 Mac 2023 yang lalu.

37. PR-1522-L19483

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) di media massa pada 2 April 2023 bahawa terdapat banyak aduan daripada orang ramai berhubung agensi Kerajaan tidak bertindak terhadap rungutan mereka.

38. PR-1522-L19988

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa Kementerian Pendidikan Tinggi menyatakan kemasukan ke institusi pengajian tinggi adalah berdasarkan meritokrasi tetapi setiap tahun masih terdapat pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat kelulusan A dalam semua mata pelajaran masih tidak mendapat tawaran kursus yang dipohon oleh mereka terutamanya kursus profesional tetapi mereka yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang daripada mereka ditawarkan kursus-kursus tersebut.

39. PR-1522-L19576

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan untuk menambah peruntukan tahunan bagi Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan memandangkan Wilayah Persekutuan tiada Dewan Undangan Negeri dan peruntukan yang diterima sangat terhad dan kecil untuk menampung permintaan penduduk-penduduk.

40. PR-1522-L20678

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab ahli Parlimen pembangkang tidak dilibatkan dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Keselamatan Daerah, Majlis Tindakan Bencana Daerah dan Pelan Pembangunan dan Perancangan Daerah.

41. PR-1522-L20094

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan keadaan kemiskinan dalam negara dengan jumlah keluarga miskin tegar di setiap negeri, kadar pendapatan purata mereka, apakah langkah kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar, dan sebab mengapa Dasar Ekonomi Baharu 1970 gagal untuk membasmi kemiskinan sepenuhnya.

42. PR-1522-L19509

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan laporan forensik yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri mengenai dana MITRA (Malaysian Indian Transformation) dari 2018 sehingga 2022.

43. PR-1522-L20948
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kakitangan Jabatan Komunikasi Masyarakat (JKOM) setakat April 2023 serta berapakah jumlah kakitangan yang akan ditamatkan perkhidmatan pada tahun ini.
44. PR-1522-L20506
Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi Melayu dan Bumiputera bagi mengurangkan jurang daripada segi ekonomi dengan kaum lain.
45. PR-1522-L20608
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah jemaah haji Muassasah yang dipilih mengikut pecahan kumpulan B40, M40 dan T20 dan apakah Kerajaan mempunyai perancangan meningkatkan Bantuan Kewangan Haji kepada jemaah haji secara keseluruhannya.
46. PR-1522-L20553
Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bentuk bantuan dan inisiatif jangka panjang bagi meringankan bebanan peniaga yang terlibat dalam pelaksanaan Menu Rahmah, terutama bagi mengelak kerugian operasi dengan mengambil kira margin keuntungan yang lebih rendah akibat kenaikan harga bahan mentah.
47. PR-1522-L20267
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos dibelanjakan Kerajaan untuk mengadakan rumah terbuka Aidilfitri yang dihadiri Perdana Menteri di enam buah negeri sepanjang bulan Syawal 1444H/2023.
48. PR-1522-L20612
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah kaedah yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mengawal dan menstabilkan harga barang yang semakin mahal di mana Indeks Harga Pengguna (Februari 2023) telah merekodkan sebanyak 203 item daripada 230 item makanan (88.3%) telah merekodkan kenaikan harga.

49. PR-1522-L20698

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) kenapa Kerajaan menghentikan penajaan JPA dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi ; dan
- (b) apakah kesan tindakan ini kepada penyediaan doktor perubatan, doktor pergigian dan ahli farmasi di masa hadapan, terutama dari kalangan Bumiputera dan apakah sumber penajaan lain yang boleh dimohon oleh pelajar bidang-bidang ini, baik untuk pelajar Bumiputera dan juga bukan Bumiputera.

50. PR-1522-L19589

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kriteria pemilihan profesor adjung (*adjunct professor*) yang mengajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), emolumen bulanan yang dibayar, tempoh maksima perkhidmatan dan bentuk penilaian prestasi (KPI) yang dilakukan oleh pihak universiti bagi menilai kredibiliti seseorang profesor adjung di setiap fakulti.

51. PR-1522-L20360

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peruntukan yang telah diluluskan bagi menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta jumlah penerima manfaat bagi program IKS dan sejauh manakah usaha ini mampu memberi kesan terhadap ekonomi negara.

52. PR-1522-L20990

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pelaburan langsung asing (FDI) bagi suku pertama 2023 dan segmen ekonomi manakah yang paling banyak melabur serta berapa pula penjualan ekuiti oleh pelabur asing bagi tempoh yang sama.

53. PR-1522-L20587

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula struktur dan memperkuuh operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk meningkatkan kapasiti mengurus dan mengurangkan risiko bencana dan memberikan amaran awal kepada rakyat.

54. PR-1522-L20734

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah implikasi peralihan ke model duopoli dwirangkaian terhadap :-

- (a) kontrak-kontrak jangka panjang antara DNB dan juga pembekal; dan
- (b) status kewangan dan pinjaman bank DNB dan persepsi pelabur terhadap Kementerian yang mengubah dasar berkaitan DNB.

55. PR-1522-L19932

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) data kapasiti setiap masjid dan surau Jumaat beserta jumlah jemaah yang datang untuk solat Jumaat; dan
- (b) strategi mengurangkan kesesakan dan menambah keselesaan para jemaah solat Jumaat dengan menambah bilangan surau Jumaat.

56. PR-1522-L20670

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah projek-projek pembinaan pembangunan bandar-bandar sempadan menerusi Majlis Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang melibatkan pembinaan di Pahang khususnya di Rompin. Pentingnya pembangunan ini bagi merancakkan ekonomi dan pelancongan yang suram kebelakangan ini.

57. PR-1522-L20648

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hala tuju dan kerangka pembangunan negara Kerajaan campuran PH-BN yang akan menggantikan dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

58. PR-1522-L19609

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan isu kemudahan asas yang tidak dapat menampung bilangan mahasiswa/mahasiswi yang sedia ada di Universiti Teknologi MARA Sabah dan Politeknik Kota Kinabalu. Kekurangan asrama dan penyelenggaraan kemudahan asas yang tidak memenuhi *standard* yang sepatutnya menjadi isu dalam kalangan mahasiswa/mahasiswi.

59. PR-1522-L20835

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan menangani kedudukan Indeks Rasuah Malaysia selaras usaha menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah.

60. PR-1522-L19586

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah terkini peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di negeri Johor yang sudah disediakan platform jana pendapatan mengikut pecahan Inisiatif INTAN, Inisiatif INSAN serta Inisiatif IKHSAN dan berapa purata pendapatan harian yang berjaya dijana oleh para peserta bagi setiap inisiatif.

61. PR-1522-L20253

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini kajian terhadap pindaan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 serta Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah bagi membolehkan wang-wang mangsa penipuan atas talian dapat dikembalikan semula.

62. PR-1522-L19861

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme pemantauan dan perundangan yang diwujudkan untuk mengawal berlakunya pendakwaan politik '*political persecution*' dan usaha memastikan SPRM dan institusi kehakiman kekal bebas dalam tempoh proses reformasi perundangan sedang berlangsung.

63. PR-1522-L20415

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membantu rakyat menghadapi masalah kos sara hidup yang semakin menekan terutama golongan B40 dan M40 dan senaraikan inisiatif Kerajaan bagi membantu belia menyara keluarga di kawasan pinggiran bandar seperti Kapar.

64. PR-1522-L20138

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penyelesaian Goldman Sachs dengan Malaysia yang bernilai AS\$2.5 bilion dan aku janji AS\$1.4 bilion untuk aset boleh diperoleh semula, sama ada nilai ini munasabah ataupun jauh lebih rendah berbanding kepada nilai yang sepatutnya diterima oleh Malaysia.

65. PR-1522-L20737

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permata Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kuasa pendakwaan kepada pihak lain seperti SPRM atau agensi penguatkuasa lain bagi mengelakkan berlaku pendakwaan terpilih serta mengelakkan ia dikawal oleh sesetengah pihak.

66. PR-1522-L20472

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan Pusat dapat untuk membuat semakan semula berhubung cadangan penambahan jumlah kerusi Parlimen untuk Wilayah Sabah dan Sarawak, berapa jumlah peratusan dan kuota tambahan yang akan diberikan serta jaminan Kerajaan untuk melaksanakan usaha ini.

67. PR-1522-L20713

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa perincian kos sewaan, penggunaan serta penyelenggaraan pesawat khas, jet eksekutif rasmi dan helikopter yang digunakan oleh YAB Perdana Menteri semenjak mula mengangkat sumpah pada 24 November 2022 sehingga 30 April 2023.

68. PR-1522-L20182

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status pelaksanaan menara komunikasi di Sarawak amnya dan 51 buah menara di kawasan Baram. Apakah cabaran yang dihadapi serta tindakan penyelesaian Kementerian untuk memastikan agar projek-projek tersebut disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

69. PR-1522-L19962

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah peranan Kerajaan untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kepentingan produk halal kepada rakyat Malaysia.

70. PR-1522-L19656

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah strategi merancakkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung di luar negeri (DIA) bagi memberi impak positif terhadap Akaun Imbangan Semasa (CAB); dan
- (b) apakah negara perdagangan dan sektor DIA yang telah berjaya dan akan diterokai.

71. PR-1522-L20708

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan dataran usahawan bagi asnaf di setiap negeri.

72. PR-1522-L20630

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat komitemen rancangan oleh Kerajaan semasa untuk mempercepat penggubalan Akta Pembiayaan Politik menjelang PRN tidak lama lagi.

73. PR-1522-L20638

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terperinci Kerajaan untuk membantu golongan peneroka FELDA susulan langkah Kerajaan untuk tidak meneruskan inisiatif pelupusan bersyarat hutang FELDA supaya kebajikan warga FELDA sentiasa terjamin.

74. PR-1522-L20834

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peranan Kerajaan bagi menangani isu peningkatan peratusan pelajar lepasan SPM yang tidak menyambung pengajian ke peringkat seterusnya disebabkan faktor kemiskinan.

75. PR-1522-L19670

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan melibatkan individu-individu didakwa memiliki aset-aset di luar negara yang menggunakan dana 1Malaysia Development Berhad dan adakah keberadaan Low Taek Jho atau Jho Low sudah dapat dikesan.

76. PR-1522-L20921

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan perancangan dalam membantu usahawan desa memajukan lagi perusahaan mereka melalui peruntukan dana digitalisasi dan automasi dalam Belanjawan 2023 dan adakah Kerajaan bersedia mempertimbang cadangan rebat bil internet sebanyak 50% kepada usahawan desa dalam menggalakkan syarikat telekomunikasi melebarkan capaian ke kawasan liputan internet yang rendah.

77. PR-1522-L19596

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan nama syarikat, jenis industri dan jumlah pelaburan yang akan direalisasi oleh negara hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke China pada awal April yang lalu di mana sejumlah 19 memorandum telah di materai.

78. PR-1522-L20636

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan prestasi Malaysia dalam perlaksanaan SDG atau Matlamat Kemampanan Pembangunan diperbaiki, memandangkan prestasi SDG Malaysia merudum dari kedudukan 54 pada tahun 2017 kepada kedudukan 72 dari 163 negara pada 2022.

79. PR-1522-L20066

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambahbaik kaedah pelantikan Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597) bagi memastikan lantikan dibuat dalam kalangan mereka yang layak dan berpengalaman dalam bidang hak asasi manusia sahaja.

80. PR-1522-L20674

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status terkini pertanian pintar mengikut negeri termasuk eLadang dalam kalangan pengusaha sektor pertanian, serta sejuah manakah keterlibatan golongan muda dalam bidang eLadang.

81. PR-1522-L19588

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah permohonan bagi skim-skim mikro kredit yang diterima oleh TEKUN sejak Belanjawan 2023 diluluskan dan berapa jumlah permohonan daripada pemohon bukan Bumiputera yang telah diterima, diluluskan dan diketepikan serta apakah justifikasi terhadap permohonan-permohonan yang tidak diluluskan.

82. PR-1522-L20959

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian dalam menyatukan semua urusan ladang diuruskan oleh FELDA Technoplat, tidak lagi di bawah persendirian.

83. PR-1522-L19829

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha JKOM untuk melawan berita palsu yang tersebar luas dalam sosial media yang akan menggugat keharmonian kaum dalam negara dan adakah Kementerian berhasrat untuk turun padang mengajurkan program kesedaran tentang pentingnya pengesahan sesuatu berita sebelum menyebarkan.

84. PR-1522-L20426

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan Lembaga Pengampunan dapat berfungsi dengan adil dan bebas daripada campur tangan mana-mana pihak.

85. PR-1522-L21026

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kawasan sempadan Sabah yang berhampiran dengan Nusantara khususnya Kalabakan dibangunkan sebagai hub sektor keutamaan ekonomi meliputi petrokimia dan oleo kimia, penjagaan kesihatan, tenaga boleh diperbaharui, inovasi dan industri digital bagi menampung limpahan pembangunan yang akan diperolehi daripada Nusantara.

86. PR-1522-L19638

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan sasaran kadar penurunan jumlah sedia ada B40 dalam tempoh 5 tahun akan datang. Berapa sasaran Kerajaan agar jumlah B40 dan M40 ini akan meningkat ke T20 dalam tempoh 5 tahun akan datang agar ia dapat mengurangkan subsidi bersasar kepada kumpulan berkenaan yang akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dan secara tidak langsung mencapai ke arah negara berpendapatan tinggi.

87. PR-1522-L19987

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana perkahwinan seorang warganegara Malaysia beragama Islam yang berkahwin dengan seorang bukan Islam di luar negara secara sah apabila balik ke Malaysia dapat diiktiraf di Malaysia.

88. PR-1522-L20270
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh mana kawalan dikenakan Kementerian terhadap stesen televisyen dan radio tempatan dalam menyiar laporan serta liputan yang seimbang tanpa sekatan yang menafikan kebebasan media.
89. PR-1522-L20633
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan membentangkan satu RUU Penggal Tetap Parlimen ke-15 supaya kestabilan politik dapat dijamin, antaranya kerana teka-teki terkait pembubaran Parlimen dapat dielakkan, sekaligus mengizinkan pacuan pembangunan ekonomi dapat diberikan tumpuan oleh pihak Kerajaan Madani di bawah pimpinan PM-X.
90. PR-1522-L20706
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme dalam pemantauan keberjayaan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin.
91. PR-1522-L20894
Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk membina mahkamah baru khususnya di Sarawak kerana masih terdapat mahkamah-mahkamah yang terpaksa menumpang bangunan Persekutuan yang lain.
92. PR-1522-L20850
Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan komprehensif Kerajaan terhadap penjanaan dan pemulihan ekonomi di wilayah Labuan dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan komuniti peniaga setempat.
93. PR-1522-L20780
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan dan status berkenaan permohonan semakan dan permintaan tafsiran ke atas keputusan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan serta apakah penyelesaian yang berjaya dicapai oleh Kerajaan terhadap isu Beting Patinggi Ali.
94. PR-1522-L20242
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian serta jumlah perbelanjaan untuk papan iklan serta promosi Malaysia Madani.

95. PR-1522-L20925

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan konsep sebenar jualan rahmah, menu rahmah dan seumpamanya sepetimana diperkenalkan dan sejauh manakah keberkesanannya dalam menyokong usaha mengurangkan beban hidup rakyat seterusnya mampu membasi kemiskinan tegar dan pertengahan.

96. PR-1522-L19544

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah cabaran dalam memastikan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) dapat dicapai dalam tempoh baki dua tahun akan datang dan apa pendekatan Kerajaan untuk mengatasi cabaran tersebut.

97. PR-1522-L19642

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kejayaan 6 federasi yang ditubuhkan di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terutamanya federasi berkaitan pemborongan dan peruncitan dan federasi berkaitan pertanian dan industri asas tani bagi membantu Kementerian menawarkan harga yang murah kepada rakyat bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup yang tinggi.

98. PR-1522-L19671

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah aset dan senaraikan jenis aset hasil daripada penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad yang Kerajaan telah berjaya melucutkan hak. Apakah akan terjadi kepada aset-aset itu.

99. PR-1522-L20517

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dalam menghormati aspek pengasingan kuasa antara eksekutif, kehakiman dan legislatif selain memastikan ketelusan siasatan termasuk pihak SPRM, sekali gus menjamin kebebasan badan kehakiman negara.

100. PR-1522-L19747

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan pendekatan dan tindakan undang-undang baharu yang bakal diambil terhadap pengamal sosial media tidak bertanggungjawab yang memainkan isu perkauman dan sebaran maklumat-maklumat tidak benar sehingga menjelaskan perpaduan kaum dalam negara. Perincikan jumlah laporan yang diterima dan tindakan yang telah/bakal diambil megikut pecahan negeri dari tahun 2018 hingga kini.

101. PR-1522-L20442

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hukuman yang akan dikenakan kepada *scammer* diperuntukkan memadai untuk mengekang kegiatan *scammer*.

102. PR-1522-L20372

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian sistem saraan baharu bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah digunakan sejak 20 tahun lalu dan wajar diperbaharui bagi memastikan ianya relevan dalam persekitaran ekonomi semasa seperti yang dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

103. PR-1522-L19665

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi merancakkan perbelanjaan sektor awam dan swasta untuk memastikan kitaran ekonomi tidak terganggu dalam masa yang sama mengimbangi cabaran kadar pertumbuhan ekonomi yang perlakan pada 2023 dan 2024.

104. PR-1522-L20291

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk pembangunan rangkaian stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) di sebelah utara khususnya di Kedah untuk mewujudkan ekosistem menyeluruh kerana industri EV berpotensi merealisasikan sasaran Malaysia mencapai status negara neutral karbon menjelang tahun 2050.

105. PR-1522-L19965

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelaburan multinasional yang kini sedang direncana atau dilaksana di negeri Johor yang mampu meningkat dan merancakkan penawaran kerja dalam bidang berkemahiran tinggi untuk anak-anak muda.

106. PR-1522-L19903

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada garis panduan jaminan dikeluarkan dan disediakan kepada majistret dan hakim mahkamah sesyen memandangkan terdapat persepsi petuduh dihukum sebelum keputusan perbicaraan dan jumlah jaminan yang tinggi dikenakan untuk memastikan kehadiran petuduh.

107. PR-1522-L19952

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan dan menarik pelaburan asing dari China dan Negara-Negara Asia Timur yang lain ke Sarawak.

108. PR-1522-L19644

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah strategi Kementerian (KUSKOP) dalam bersama Kerajaan menangani kenaikan harga barang melalui program pembekalan barang keperluan asas dengan harga yang lebih rendah dari pasaran yang akan dilaksanakan oleh gerakan koperasi.

109. PR-1522-L20470

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) apakah status koperasi-koperasi di Malaysia; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk mengupayakan koperasi-koperasi yang tidak aktif dan bagaimanakah koperasi-koperasi yang aktif dapat membantu Kementerian untuk menangani kos sara hidup rakyat negara pada masa ini.

110. PR-1522-L19701

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah-kaedah yang telah digunakan untuk menyenaraikan negeri-negeri termiskin di Malaysia dan juga bilangan e-Kasih di seluruh negara.

111. PR-1522-L21014

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah jangka masa pendek, sederhana dan panjang pihak Kementerian dalam memastikan pengurangan isu ketidakpadanan penawaran dan permintaan dari sudut bidang yang ditawarkan antara universiti dan keperluan semasa industri, seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

112. PR-1522-L19945

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah kelemahan yang telah dikenal pasti oleh Kementerian setelah Cybersecurity Malaysia dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi diminta menyiasat berhubung ancaman kebocoran data peribadi yang melibatkan 22 juta rakyat Malaysia.

113. PR-1522-L20739

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan selain berkolaborasi dengan pasaraya dan hypermarket, apakah kaedah yang digunakan dalam mengadakan jualan Rahmah di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Bukit Gantang yang tidak mempunyai pasaraya.

114. PR-1522-L19693

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak peristiwa Hari Raya disambut berlainan hari di negeri tertentu pada tahun 1982, penyelarasan 1 Syawal mengikut Hisab dan Rukyah telah berjaya menyelesaikan masalah itu. Tapi pada tahun 2022 kejadian 1 Syawal mengejut kembali berlaku. Apakah usaha pihak Kerajaan untuk mengelakkan suasana ini dari berlaku lagi di masa akan datang.

115. PR-1522-L20974

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian pembayaran Cukai Jualan Negeri (SST) oleh Petronas kepada Wilayah Sarawak terhadap produk petroleum bagi tahun 2023.

116. PR-1522-L20065

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan dan garis masa SPR untuk:-

- (a) mengkaji semula persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya di Sarawak yang baru sedangkan tempoh lapan tahunnya telah tamat pada 19 Ogos 2023 ; dan

- (b) bagaimana persempadanan boleh mematuhi kehendak Perlembagaan agar jumlah pengundi setiap kawasan lebih kurang sama banyak dan mematuhi prinsip “*one man one vote*”.
117. PR-1522-L20496
Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos keseluruhan perbelanjaan program Rumah Terbuka Malaysia Madani dan nyatakan perincian kos untuk setiap penganjurannya di enam buah negeri yang terlibat.
118. PR-1522-L20012
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika cadangan penyerapan anggota Sukarelawan Pertahanan Awam kepada lantikan tetap perjawatan awam dapat dilaksanakan. Jika tidak, apakah rasional daripada tindakan tersebut.
119. PR-1522-L19896
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jabatan Bantuan Guaman dan mahkamah untuk menugaskan peguam mewakili dan membela petuduh yang didakwa dengan hukuman mati dari tahun 2018 hingga tahun 2022.
120. PR-1522-L19838
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah Kementerian dalam usaha mengukur kadar kemiskinan multidimensi (*multidimensional poverty*) di Malaysia dan tidak lagi bergantung kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semata-mata.
121. PR-1522-L19910
Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh agensi pelaksana berkaitan sebarang kegagalan dan kelewatan sesuatu projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan.
122. PR-1522-L19605
Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan inisiatif Kementerian yang dapat mengurangkan bebanan rakyat terutamanya dalam menangani isu kos sara hidup di Sabah selain daripada pelaksanaan Menu Rahmah dan pemantauan harga barang.

123. PR-1522-L20997

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan adakah terdapat sebarang rancangan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan penggubalan Akta Pembiayaan Politik menjelang PRN tidak lama lagi.

124. PR-1522-L20062

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan lagi kuota jemaah haji dan peningkatan kos pengurusan haji.

125. PR-1522-L20600

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan filem dan drama di televisyen sebagai medium merapatkan integrasi antara kaum dengan menyediakan dana khas bagi penghasilan filem-filem berkualiti tinggi dengan genre tersebut termasuk filem-filem epik sejarah tempatan.

126. PR-1522-L20318

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memperkenalkan sistem kawalan keselamatan berganda terhadap institusi kewangan dan perbankan bagi mencegah jenayah 'scammer' dan transaksi digital terutama dalam kalangan warga emas dan berapakah bilangan kes yang dilaporkan di Kelantan.

127. PR-1522-L20500

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memberi potongan yuran kepada mahasiswa yang menjalani latihan praktikal memandangkan mereka tidak sepenuhnya menggunakan fasiliti kampus ketika latihan praktikal.

128. PR-1522-L20134

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah dilakukan oleh kerajaan dalam usaha memastikan lebih ramai golongan beliau terlibat dalam bidang keusahawanan.

129. PR-1522-L20980

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan komprehensif Kementerian terhadap ekosistem sokongan terhadap pembangunan Wilayah Sabah dan Sarawak dari segi pembangunan aglomerasi, misalnya pemerkasaan teknologi dan pemberian insentif untuk mengasah bakat tempatan serta memastikan rantai bekalan yang mencukupi.

130. PR-1522-L20562

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi menangani isu penipuan dengan menggunakan syarikat beramanah swasta (*Private Trust Company*) di bawah Akta Pemegang Amanah 1952 yang menjadi semakin serius.

131. PR-1522-L20463

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan siasatan ke atas semua penganugerahan kontrak tanpa tender terbuka yang membabitkan ahli keluarga pemimpin utama Kerajaan yang lepas. Berikan butiran terperinci tentang kontrak terbabit dan juga sama ada ia diteruskan ataupun akan ditender semula.

132. PR-1522-L19635

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan data pelan serta tindakan Kementerian bagi menangani kos barang mentah semasa, sejauh manakah pihak Kementerian telah berjaya menurunkan harga barang mentah dan berapa peratusan kadar penurunan kos bahan mentah tersebut yang telah meringankan beban rakyat.

133. PR-1522-L19655

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan rasional pegangan 30% kepada warga asing yang menjalani penggambaran di Malaysia ketika Kerajaan juga memberikan rebat 30% di bawah skim penggambaran di Malaysia atau Filming in Malaysia (FIMI).

134. PR-1522-L19878

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah projek terbengkalai (projek sakit) yang terdapat di kawasan Parlimen Kudat. Jika ada, mohon perincian untuk projek-projek terbengkalai tersebut dan apakah langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

135. PR-1522-L20513

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memberikan kesedaran pendidikan politik dalam kalangan anak muda dan mahasiswa.

136. PR-1522-L20041

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha dan inisiatif pihak Kementerian untuk membudayakan penguasaan bahasa ketiga dalam kalangan pelajar tempatan di peringkat IPT supaya mereka juga mampu dan mahir dalam menguasai kepelbagaian bahasa serta berdaya saing di peringkat global.

137. PR-1522-L19753

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan harga daging babi telah meningkat mendadak sehingga ke hari ini walaupun Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menanganinya. Adakah langkah-langkah yang diambil selama ini telah gagal dan apakah langkah lebih efektif dan berkesan perlu segera diambil selanjutnya.

138. PR-1522-L20530

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan jangka masa Kementerian bagi membentangkan Kertas Putih Isu Kedaulatan Batu Puteh di Parlimen.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 22/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bawaha Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** [7 Jun 2023]

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

2. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perolehan vaksin COVID-19 dilaksanakan atas persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dan diberi kuasa untuk berunding, menandatangani perjanjian pembelian serta membuat perolehan vaksin COVID-19.

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perjanjian yang ditandatangani telah melalui proses semakan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperoleh dengan segera, selamat dan teratur mengikut Prosedur Operasi Standard Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibangunkan hasil konsultasi Kementerian Kesihatan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Bahawa Kementerian Kesihatan antara lain telah melaksanakan intervensi kesihatan awam yang tidak melibatkan bahan farmaseutikal ataupun *Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)* serta turut melaksanakan pemberian vaksinasi COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Bahawa Dewan ini menyedari bahawa program vaksinasi yang dilaksanakan telah berjaya mengawal penularan COVID-19, mencegah komplikasi yang teruk termasuk kemasukan ke hospital seterusnya membawa kematian. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan bukan farmaseutikal dan vaksinasi ini telah berjaya melandaikan keluk pandemik COVID-19 Negara dan seterusnya memulihkan beban kesihatan awam Negara.

Bahawa Dewan ini mengesahkan perolehan vaksin COVID-19 yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 hingga tahun 2023 dan hala tuju Kerajaan seterusnya seperti dinyatakan dalam Kertas Perintah 28 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Selasa, 6 Jun 2023."

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"**Bahawa** Dewan ini, membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangi dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.181 dan ST.182 bagi tahun 2022 serta ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.35 dan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.120, ST.121, ST.122, ST.123, ST.124, ST.133, ST.135, ST.136 bagi tahun 2023 disahkan."

9. PR-1522-U(27)254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

10. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna maupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) maupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

11. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

13. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

15. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

16. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

19. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

21. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

26. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "*credit shell*" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "*redemption of credit shell*" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

27. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

28. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

29. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

30. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesas Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

[Perdana Menteri]

31. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahwasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

32. PR-1522-U(27)269

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silihbus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

33. PR-1522-U(27)270

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melalui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesa perlu diambl terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u>
<u>2023</u>		<u>DIBENTANGKAN</u>
ST.122	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 68/2023 yang diwartakan pada 14 Mac 2023	8 Jun 2023
ST.123	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negara-Negara ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 91/2023 yang diwartakan pada 31 Mac 2023	8 Jun 2023

****UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 08.06.2023 (Khamis)	1. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	1. Peruntukan Menyelenggara dan Membaih Pulih Rumah Ibadat Selain Islam (RISI)	1. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
2. 08.06.2023 (Khamis)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Banjir Tahunan dan Perubahan Iklim di Negeri Johor	2. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
3. 08.06.2023 (Khamis)	3. YB Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai)	3. Jalan Persekutuan yang rosak dalam Kawasan Parlimen Bagan Serai	3. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**